



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**19 Mac 2020**

1. Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan terkini jangkitan COVID-19 di negara ini.
2. Pada hari ini, 19 Mac 2020, **5** kes baru telah disahkan dijangkiti COVID-19 yang membawa **jumlah keseluruhan kes di negara ini kepada 73 orang.**
  - Kes 69 berumur 46 tahun adalah seorang warga tempatan yang pulang melancong bersama keluarga dari Malaysia pada 11 Mac 2020. Beliau telah mula mengalami batuk pada 9 Mac 2020.
  - Kes 70 berumur 72 tahun ialah kontek keluarga kepada Kes 53. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan tidak mengalami sebarang tanda-tanda jangkitan.
  - Kes 71 berumur 52 tahun dan Kes 72 berumur 46 mempunyai kaitan dengan kluster tabligh di mana mereka telah menghadiri perkumpulan tabligh di Brunei pada 5 Mac 2020. Kedua-dua kes ini adalah di antara jemaah-jemaah tabligh di perkumpulan tersebut yang telah tampil menjalani ujian makmal berikutan pengesanan kes-kes yang ada kaitan

dengan perkumpulan tersebut. Sejak Kementerian Kesihatan mengeluarkan kenyataan mengenai perkumpulan tabligh di Brunei pada 5 Mac 2020, seramai 56 jemaah tabligh dari perkumpulan tersebut dan tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur telah menjalani ujian makmal COVID-19.

- Kes 73 berumur 68 tahun adalah seorang warga tempatan yang telah pulang melancong bersama keluarga dari United Kingdom pada 16 Mac 2020 dengan menaiki pesawat Royal Brunei BI004 (tempat duduk 9A). Beliau telah mula mengalami batuk pada 12 Mac 2020.

3. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa semua kes-kes yang telah disahkan sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Pada masa ini, dua orang dalam keadaan kritikal, memerlukan bantuan mesin pernafasan dan sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif di Pusat berkenaan. Sementara itu, dua kes lagi memerlukan pemantauan rapi dan selebihnya di dalam keadaan baik dan stabil.
4. Kementerian Kesihatan pada masa ini masih giat menjalankan penyiasatan kontek bagi setiap kes di mana setakat ini, seramai 1,486 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Dalam pada itu, setakat ini jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin di Perkampungan Sukan atau di rumah masing-masing ialah seramai 99 orang dan adalah di dalam keadaan yang baik. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 2,329 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan.

5. Sementara itu, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai bahawa bermula 20 Mac 2020, semua penumpang yang tiba di Negara Brunei Darussalam melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri secara serta merta selama 14 hari di pusat-pusat pemantauan yang telah dikenalpasti, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Kementerian Kesihatan sedang berkerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta Penerbangan Diraja Brunei bagi pelaksanaan tindakan ini.
  
6. Ke arah usaha meningkatkan lagi keberkesanan tindakan-tindakan bersepadu agensi-agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi membendung dan mengatasi penularan COVID-19, dan demi menjamin kesejahteraan serta keselamatan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam, bermula pada **hari Sabtu, 26 Rejab 1441 Hijrah bersamaan 21 Mac 2020 Masehi**, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan **memendekkan waktu beroperasi** Pos-pos Kawalan Imigresen bagi laluan darat di negara ini yang **sebelumnya beroperasi** dari **jam 6 pagi sehingga 10 malam** kepada **jam 6 pagi hingga 8 malam sahaja**.

7. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pindaan kepada Akta Penyakit Berjangkit (Penggaj 204), iaitu Perintah Akta Penyakit Berjangkit (Pindaan), 2020 (Infectious Diseases Act (Amendment) Order, 2020) dikuatkuasakan bermula 30 Januari 2020. Berikutan dengan pindaan ini, sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar akan mana-mana arahan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan seperti mengadakan perkumpulan di mana-mana tempat yang dilarang atau keluar semasa perintah kurantin, maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggaj 204) yang mana boleh membawa denda sehingga \$10,000, penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan.
8. Sementara itu, Kementerian Kesihatan ingin sekali lagi meminta kerjasama orang ramai untuk melakukan penjarakkan sosial (*social distancing*) bagi membendung wabak COVID-19 yang sedang melanda Negara Brunei Darussalam pada masa ini:
- Elakkan dari keluar ke tempat-tempat awam jika merasa kurang sihat;
  - Elakkan dari pergi ke tempat-tempat yang penuh sesak;
  - Elakkan dari menganjurkan atau menyertai sebarang perkumpulan atau perhimpunan;
  - Patuhi arahan kurantin atau pengasingan diri, jika Perintah Kurantin atau Notis Pengasingan Diri telah dikeluarkan ke atas diri awda.

9. Kementerian Kesihatan juga ingin mengulangi kepada majikan-majikan, khususnya di sektor swasta untuk memberikan kerjasama bagi mempermudah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam mengawal wabak COVID-19 seperti,

- Tidak memaksa pekerja mendapatkan surat cuti sakit dari doktor;
- Tidak mengambil tempoh pengasingan diri atau kurantin dari jumlah cuti tahunan yang layak bagi pekerja berkenaan;
- Tidak memotong gaji pekerja yang telah menerima Perintah Kurantin atau Notis Pengasingan Diri.

Mana-mana majikan yang didapati memotong gaji pekerja yang telah diarahkan untuk dikurantin atau mengasingkan diri ATAU memotong cuti dari cuti tahunan boleh dilaporkan kepada Jabatan Buruh melalui talian 2381848 (semasa waktu berkerja) atau 7298989 (di luar waktu berkerja);

- Prihatin dan bertimbangrasa terhadap keadaan pekerja yang berisiko tinggi kepada jangkitan COVID-19 seperti mereka yang mempunyai penyakit kronik (seperti diabetes, penyakit kardiovaskular, penyakit buah pinggang, penyakit kanser dan sebagainya) serta wanita-wanita mengandung.

10. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa).

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 24 Rejab 1441H / 19 Mac 2020